



LAPORAN PROGRAM KORBAN EIDUL ADHA & AQIQAH DI KEMBOJA 1437H

Mudah • Murah • Diyakini



23 Tahun! Pelaksanaan Korban Eidul Adha & Aqiqah. Hampir **81,034 peserta** sejak tahun 1415H/1995 Masihi. Sebanyak **39,020 ekor ternakan** selamat disempurnakan. Sebanyak **6,839 buah perigi wakaf** selamat dibina. Lebih **338 buah tandas wakaf** dibina sejak tahun pertama dibuat. Lebih **15,015 naskah al Quran** diagihkan di Thailand.



Okhna Haji Kamaruddin Yusof
Mufti Kerajaan Kemboja

“Maka solatlah kamu untuk Tuhanmu dan menyembelihlah.” al-Kautsar : 2

“Tiap-tiap anak itu tertebus (terpelihara daripada kemudaratan dan kemunggaran) dengan aqiqahnya...” Maksud hadis

“Dengan ini saya mengesahkan bahawasanya ibadah korban dan aqiqah yang diuruskan oleh syarikat Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. dengan kerjasama Majlis Tertinggi Pimpinan Agama Islam Kemboja dan Yayasan Pembangunan Umat Islam Kemboja tahun 1437H telah disempurnakan mengikut ketentuan hukum-hukum syarak.”



Assalamualaikum wbt.

Laporan Program Korban & Aqiqah 1437H

Tuan / Puan yang budiman,

Alhamdulillah, Program Korban Eidul Adha & Aqiqah bagi tahun 2016/1437H telah selamat disempurnakan di seluruh Kemboja. Semoga ibadah Korban dan Aqiqah serta wakaf perigi dan wakaf tandas yang kita laksanakan diberkati Allah SWT. Berikut adalah perangkaan yang berkenaan:

Pada Hari Raya Korban (12hb September 2016 bersamaan 10 Zulhijjah 1437H), ternakan korban mula disembelih di setiap kampung umat Islam di seluruh Kemboja. Pengurusan agihan korban dipimpin sendiri oleh Mufti Kerajaan Kemboja, Okhna Haji Kamaruddin Yusof dengan ketua urus setianya YBhg. Haji Zakaryya Adam.

Berdasarkan Sunnah Rasulullah SAW daging korban diagihkan dalam keadaan mentah kepada penduduk kampung manakala jamuan aqiqah telah disempurnakan untuk pelajar madrasah, kenduri perkahwinan serta jamuan di masjid dan surau di seluruh Kemboja.

1437H	
Wakaf Perigi	816
KORBAN	Jumlah
Lembu	1237
Kambing	510
AQIQAH	Jumlah
Lembu	159
Kambing	582
NAZAR	Jumlah
Lembu	0
Kambing	8
Sedekah Lembu	21
Sedekah Kambing	30
JUMLAH BESAR	2547

IBADAH KORBAN DAN AQIQAH DI KEMBOJA	
Tahun	Bil. Ternakan
1415H	17
1416H	150
1417H	288
1418H	263
1419H	451
1420H	561
1421H	736
1422H	685
1423H	886
1424H	1178
1425H	1177
1426H	1381
1427H	1443
1428H	2102
1429H	2524
1430H	2567
1431H	3256
1432H	3337
1433H	3247
1434H	3696
1435H	3490
1436H	3038
1437H	2547

BILANGAN WAKAF AL-QURAN DI PATANI	
Tahun	Bil. Al-Quran
1435H	3363
1436H	5661
1437H	5991

BILANGAN WAKAF TANDAS DI KEMBOJA	
Tahun	Bil. Tandas
1435H	1
1436H	187
1437H	150

BILANGAN WAKAF PERIGI DI KEMBOJA	
Tahun	Bil. Perigi
1430H	301
1431H	341
1432H	380
1433H	524
1434H	1506
1435H	1931
1436H	1040
1437H	816



Laporan Program Ramadan 1437H:

Bagi penyertaan awal sebelum 20 Ramadan 1437H, sebahagian daripada yuran penyertaan telah diperuntukkan untuk majlis berbuka puasa.

Kemboja: Sumbangan berbuka puasa: **RM31,469.67** (termasuk sumbangan tambahan oleh peserta korban & Aqiqah). Bilangan ternakan aqiqah yang disempurnakan untuk jamuan berbuka puasa dan sahur ialah: **Lembu Aqiqah 28 ekor, Kambing Aqiqah 126 ekor, Lembu Sedekah 21 ekor dan Kambing Sedekah 30 ekor.** **Thailand:** sumbangan **RM16,076.75** telah diagihkan di Pattani, Thailand. Manakala kutipan berbuka puasa melalui **MYCARE: RM18,871.00.**

 [facebook.com/perigi.cambodia](https://www.facebook.com/perigi.cambodia)

WAKAF PERIGI DI KEMBOJA



Musim kemarau di Kemboja berlaku setiap tahun dan boleh berterusan sehingga 4 bulan. Agihan perigi ditentukan oleh Mufti Kemboja.
Satu bahagian wakaf perigi: RM150.00.
(7 bhgn wakaf bersamaan dengan sebuah perigi)

Laporan Program Wakaf Perigi 1437H:

Biasanya mulai bulan Disember hingga Mei setiap tahun, Kemboja mengalami musim kering. Bekalan air menjadi masalah utama di luar bandar pada musim ini. Bagi tahun 1437H sebanyak **816 sumbangan wakaf perigi** telah diterima untuk dibina bagi kegunaan keluarga yang miskin dan juga penduduk kampung.

Perasmian program wakaf perigi dan juga wakaf tandas dibuat pada 11 Zulhijjah 1437H / 13 September 2016 di Tuol Pongro, Ta Ches, Kg Tralach, Kg Chhnang, Kemboja.

Laporan Program Wakaf Tandas 1437H:

Alhamdulillah, program wakaf tandas sudah masuk tahun ketiga dilancarkan dan sebanyak **150 buah wakaf tandas** disempurnakan di kampung-kampung Islam di Kemboja. Masih banyak lagi tandas diperlukan bagi memastikan masalah kebersihan dapat diatasi.

WAKAF TANDAS DI KEMBOJA



Di kampung-kampung Kemboja dianggarkan hanya 20% keluarga mempunyai tandas di rumah. Mufti Kemboja merayu agar sumbangan untuk wakaf tandas di Kemboja dilancarkan pada tahun 1437H ini. Sesungguhnya kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman.
Satu bahagian wakaf tandas: RM150.00.
(7 bhgn wakaf bersamaan dengan sebuah tandas)

Laporan Program Sedekah Al-Quran Di Pattani, Thailand 1437H:

Dalam usaha melahirkan insan yang seimbang dan bertaqwa serta dapat membentuk ummah yang cemerlang untuk masa akan datang, AASH telah dapat mengagihkan sebanyak **5991 naskhah Al Quran** kepada pusat-pusat pengajian al Quran di Pattani, Thailand melalui Sekolah Kalamullah Al Quran dan Multilingual.

WAKAF FISABILILLAH DI PATTANI

Pergolakan Pattani masih berterusan. Namun, anak bangsa perlu terus dididik untuk menghayati nilai-nilai Islam dan budaya bangsa. Sumbangan wakaf adalah untuk tanah, bangunan dan peralatan Sekolah Kalamullah Al-Quran & Multilingual. Juga sedekah naskhah al-Quran untuk Selatan Thailand.
Satu naskhah al-Quran: RM35.00.
(Mulai 1436H)



Laporan Program Ziarah Kemboja 1437H:

Setiap tahun ramai peserta korban dan aqiqah akan ke Kemboja selama 5 hari 4 malam untuk menghayati suasana ibadah korban dan aqiqah di samping mengeratkan silaturahmi antara umat Islam Malaysia dan Kemboja. Majlis perasmian Program Korban & Aqiqah di Kemboja yang dihadiri bersama oleh peserta ziarah telah dilaksanakan di Masjid Al Akbar, Prek Taprom, Chrey Andet, Kg Os, Ponhea Lieu, Kandal, Kemboja.

Sijil pengesahan pelaksanaan ibadah korban, aqiqah dan juga wakaf perigi dan tandas akan dihantar secara individu melalui pos dalam masa 30 hari selepas Hari Raya Eidul Adha 1437H. Laporan lengkap Program Korban & Aqiqah di Kemboja dengan senarai tempat-tempat pelaksanaan dan juga surat pengesahan pelaksanaan daripada Mufti Kerajaan Kemboja boleh didapati di www.korbanaqiqah.com. my pada tarikh berkenaan.

Sekian, terima kasih.



www.korbanaqiqah.com.my



[facebook.com/korbanaqiqah.cambodia](https://www.facebook.com/korbanaqiqah.cambodia)

Yang benar,

Hajji Che Mazlan Saad
Pengerusi
Program Korban Eidhul Adha
& Aqiqah di Kemboja



● **Maklumat lanjut:** Sila hubungi Ustazah Norwariza/Ustazah Hidayah www.korbanaqiqah.com.my 03-4143 4343 / 011-2384 8480



AL-AMEEN SERVE HOLDINGS SDA BHD

2-1, Tingkat 1, Jalan 9/23A, Medan Makmur Off Jalan Usahawan, Setapak, 53200 K. Lumpur, MALAYSIA.
www.ameeneducare.com.my www.ameenbooks.com.my www.korbanaqiqah.com.my AJL931362

GPS: Latitude 3.19772 Longitude 101.71977

TEL: +603 4143 4343
FAX: +603 4149 1414
E-MAIL: korbanaqiqah@alameenserve.com